3.	Menteri Kewangan Malaysia (Section 29 of SICDA)	1,722,575	1.72
4.	Chan Oi Lin	500,000	0.50
5.	AMMB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AMAssurance Berhad (LF 1/148-1))	437,000	0.44
6.	AMMB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AMAssurance Berhad (GF 1/149-0))	434,500	0.43
7.	Neo Hood Ann	414,200	0.41
8.	Sankaran A/L K K Pillai	389,000	0.39
9.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (Amanah Saham Wawasan 2020)	374,000	0.37
10.	Khoo Hai Chew	371,000	0.37
11.	BOH Plantations Sdn. Bhd	358,000	0.36
12.	AMMB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (AMAssurance Berhad (LFNP 7/929-6))	348,500	0.35
13.	BOH Plantations Sdn. Berhad	317,700	0.32
14.	Chong Kon Ling	314,600	0.31
15.	TA Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad (A/C for Chor Sek Choon)	310,000	0.31
16.	Goh Cheew Kian	308,800	0.31
17.	Abdul Rahim bin Bidin	292,000	0.29
18.	Richfund Sdn. Berhad	291,000	0.29
19.	Neoh Foundation (1979)	280,000	0.28
20.	Lee Chin Yik	258,000	0.26
21.	Loo Yik Lew	254,800	0.25
22.	Ng Heng Heem	240,000	0.24
23.	Premjit Singh a/l Onkar Singh	212,000	0.21
24.	Loo Yik Lew	183,500	0.18
25.	Ong Liu Lih Yun	183,500	0.18
26.	HSBC Nominees (Asing) Sdn. Berhad (TNTC for Utopia Core Fund)	172,600	0.17
27.	Yik Poh Chan @ Yek Poh Chan	171,300	0.17
28.	Popular Industries Sdn. Berhad	171,100	0.17
29.	Yuen Swee Yoong	168,000	0.17
30.	Yap Ai Synn @ Yap Ai Chin	164,000	0.16
Jumlah / Total		54,078,575	54.08

Nota / Note:

* Pemegang unit utama / Substantial unitholder

** Syarikat berkaitan dengan Pengurus (berdasarkan harga pasaran pada 31 Disember 2006 yang berharga RM0.755 seunit, unit yang dipegang oleh PNB adalah bernilai RM2,588,442) / Related company to Manager (based on market price as at 31 December 2006 of RM0.755 a unit, the value of units held by PNB was RM2,588,442)

PENYATA KEWANGAN

- 26 Laporan Pengurus
- 33 Penyata oleh Pengurus
- 33 Akaun Berkanun
- 34 Penyata Pemegang Amanah
- 35 Laporan Juruaudit
- 36 Penyata Pendapatan
- 38 Lembaran Imbangan
- 39 Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih
- 40 Penyata Aliran Tunai
- 41 Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan



LAPORAN PENGURUS MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), Pengurus kepada Amanah Harta Tanah PNB ("AHP" atau "Tabung Amanah"), dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pengurus mengenai AHP berserta dengan penyata kewangan AHP yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

TABUNG AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

AHP, sebuah Amanah Pelaburan Hartanah, telah diperlembagakan di bawah Surat Ikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 di antara Pengurus, PHNB, Amanah Raya Berhad, selaku Pemegang Amanah bagi AHP dan beberapa orang yang memegang unit di dalam Tabung Amanah.

AHP dilancarkan pada 21 Mac 1989 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 28 Disember 1990. Aktiviti utama AHP adalah pelaburan dalam hartanah dan pelaburan lain yang dibenarkan dengan objektif untuk mencapai pulangan yang berterusan dan penambahan nilai modal bagi jangka masa panjang. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun ini.

Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah sebuah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama Pengurus ialah pengurusan tabung amanah pelaburan hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun ini.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah memegang saham-saham untuk meningkatkan pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia.

YURAN DAN KOMISYEN PENGURUS

Tiada sebarang bayaran perkhidmatan, yuran atau komisyen yang telah diperolehi oleh Pengurus dalam menguruskan AHP selain daripada yuran Pengurus sebanyak RM1,328,192 (2005: RM1,306,816) seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan AHP. Seperti yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan Amanah, Pengurus berhak menerima yuran pengurusan tidak melebihi 2% daripada nilai aset bersih harian dana AHP bagi setiap tempoh terakru. Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah 1% (2005: 1%) daripada nilai aset bersih harian AHP.

TEMPOH TABUNG AMANAH

AHP akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Klausula 23 Surat Ikatan Amanah Tambahan Ketiga AHP.

OBJEKTIF PELABURAN

Objektif utama pelaburan AHP ialah untuk memberi tahap pulangan pendapatan yang berpatutan kepada pelabur dan membenarkannya memperolehi kenaikan pulangan modal melalui belian portfolio pelaburan hartanah terpilih yang berpotensi untuk peningkatan modal jangka panjang.

POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Polisi pelaburan AHP adalah menjurus ke arah pembesaran AHP melalui usaha berterusan untuk mengenal pasti hartanah-hartanah berkualiti yang menawarkan pulangan yang berpatutan dan penambahan nilai modal.

Pengurus akan meneruskan penggunaan strategi pelaburan yang berhemat dengan pandangan untuk menghasilkan pendapatan yang stabil dan konsisten bagi Tabung Amanah. Pemilihan hartanah bagi Tabung Amanah adalah berdasarkan proses dengan fokus utama ke atas kriteria seperti lokasi hartanah, potensi untuk perkembangan modal, kualiti fizikal hartanah dan kualiti penyewaan.



LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

POLISI DAN STRATEGI PELABURAN (SAMB.)

Sepanjang tempoh dalam tinjauan, Pengurus telah meneruskan penggunaan strategi pelaburan yang berhemat dengan pandangan untuk menghasilkan pendapatan yang stabil dan konsisten bagi AHP. Pengurus sentiasa berusaha menjalinkan hubungan baik dengan penyewa bagi memastikan hubungan jangka panjang yang berterusan dengan penyewa, dengan itu memastikan penerimaan pendapatan sewaan yang berterusan.

PELABURAN TABUNG AMANAH

Jumlah pelaburan AHP pada 31 Disember 2006 adalah RM138.0 juta (2005: RM135.6). Butir-butir portfolio pelaburan AHP adalah seperti berikut:

	2006		2005	
	RM'000	%	RM'000	%
Pada Nilai Saksama				
Hartanah				
- Komersil	128,270	92.9	126,360	93.2
Pada Kos				
Hartanah	-			
- Komersil		-	160	0.1
Pada Harga Pasaran				
Aset berkaitan hartanah				
- Saham disebut harga mengikut sektor				
- Hartanah	343	0.3	520	0.4
Aset bukan berkaitan hartanah				
- Saham disebut harga mengikut sektor				
- Perdagangan	679	0.5	635	0.5
- Kewangan	-	-	723	0.5
Pada Nilai Saksama				
Deposit dengan institusi-institusi kewangan dan tunai di bank	8,714	6.3	7,234	5.3
	<u>138,006</u>	<u>100.0</u>	<u>135,632</u>	<u>100.0</u>

Butiran-butiran pelaburan dalam hartanah adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.



LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PRESTASI TABUNG AMANAH

	2006	2005
Jumlah nilai aset bersih (RM)	<u>134,665,105</u>	<u>132,453,247</u>
Unit dalam edaran (unit)	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>
Nilai aset bersih setiap unit (sen)	<u>134.7</u>	<u>132.5</u>
Harga pasaran setiap unit (sen)	<u>75.5</u>	<u>74.0</u>
Harga urusniaga paling tinggi (sen)	<u>80.0</u>	<u>85.5</u>
Harga urusniaga paling rendah (sen)	<u>70.5</u>	<u>60.5</u>

Tidak terdapat perubahan ketara dalam pengagihan aset sejak laporan yang terakhir.

HASIL OPERASI AHP

Hasil operasi AHP bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan sebelum cukai	7,211,858
Cukai	<u>-</u>
Pendapatan selepas cukai	<u>7,211,858</u>

Dalam tahun kewangan, AHP telah merekodkan pendapatan sebelum cukai sebanyak RM7,211,858 berbanding RM4,878,169 yang direkodkan tahun lepas. Kenaikan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan sewaan bersih, keuntungan tidak nyata dari penilaian semula hartanah dan keuntungan nyata dari jualan saham disebut harga.

Keuntungan tidak nyata dari penilaian semula hartanah berpunca daripada penggunaan model nilai saksama mengikut peruntukan FRS 140 Pelaburan dalam Hartanah yang berkuatkuasa dari 1 Januari 2006, yang menghendaki:

- (i) perubahan dalam nilai saksama hartanah dibawa terus ke dalam penyata pendapatan; dan
- (ii) keuntungan tidak nyata bersih berpunca daripada penilaian semula pelaburan dalam hartanah sebelum ini yang berjumlah RM23,205,788 dipindah ke pendapatan terkumpul daripada rizab penilaian tidak boleh diagihkan sebagai pembetulan ke atas baki awal seperti yang dinyatakan pada Nota 4(a).

Dengan itu, pendapatan terkumpul pada 31 Disember 2006 sebahagiannya merangkumi nilai tidak nyata seperti berikut:

	RM
Pendapatan terkumpul nyata bersih	16,153,315
Pendapatan terkumpul tidak nyata bersih	<u>18,511,790</u>
	<u>34,665,105</u>

Bagi pendapatan sewaan bersih, AHP telah merekodkan kenaikan sebanyak RM171,583 atau 2.58% daripada RM6,654,523 yang direkodkan pada tahun sebelumnya disebabkan oleh kenaikan kadar sewaan untuk pembaharuan dan penyewaan baru dan pengurangan dalam perbelanjaan operasi hartanah. Jumlah perbelanjaan AHP juga naik sebanyak RM114,773 atau 7.23% daripada RM1,588,541 yang direkodkan pada tahun lepas disebabkan terutamanya oleh yuran penilaian berikutan penilaian semula hartanah yang dibuat pada bulan Mac 2006.



LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

TINJAUAN PASARAN HARTANAH

Pada kenyataan akhbar Bank Negara Malaysia bagi Pembangunan Ekonomi dan Kewangan Malaysia dalam Suku Ketiga 2006, melaporkan "Ekonomi Malaysia terus berada pada arah pertumbuhan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.8% dalam suku ketiga (suku pertama: 5.3%, suku kedua: 6.2%)".

Prestasi pasaran hartanah secara keseluruhannya bermula dengan sederhana dalam suku pertama hingga kedua 2006 dengan permintaan yang rendah bagi hartanah terutamanya sektor kediaman akibat sentimen pengguna yang lemah, berikutan siri kenaikan harga minyak dan penyelarasan kenaikan tarif utiliti yang mengurangkan tahap keyakinan dan sentimen pelaburan. Selaras dengan perkembangan ekonomi, sektor hartanah dalam suku ketiga dan keempat mula menunjukkan prestasi positif terutamanya dalam hartanah komersil dan secara spesifiknya sub-sektor pejabat.

Disepanjang tahun dalam kajian, sub-sektor pejabat aktif dengan lebih banyak pejabat binaan khas di Lembah Klang dan Pulau Pinang bertukar tangan. Harga urusniaga lebih tinggi bergantung pada lokasi dan umur bangunan. Aktiviti pajakan terus aktif dengan kenaikan sewaan akibat pilihan terhad bagi ruang pejabat yang baik, bekalan terhad dan permintaan yang bertambah bagi ruang pejabat bermutu tinggi.

PROSPEK

Dalam Laporan Ekonomi 2006/2007, Bank Negara Malaysia menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 6% bagi tahun 2007, kenaikan kecil dari kadar pertumbuhan 5.8% bagi tahun 2006.

Selaras dengan pertumbuhan cergas KDNK untuk tahun 2007, momentum pasaran yang kuat untuk hartanah komersil dalam suku keempat 2006 dijangka berterusan ke tahun 2007. Sektor hartanah dijangka bertambah baik berdasarkan petunjuk utama seperti pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), pengekalan kadar pinjaman yang rendah dan prospek pasaran saham.

Berdasarkan permintaan yang tinggi terhadap ruang pejabat pada tahun 2007, pihak pengurusan menjangkakan hartanah-hartanah AHP akan turut mendapat manfaat dan dijangkakan kadar penghunian semasa sebanyak 88% akan terus meningkat dalam tahun 2007.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pengagihan dibayar dan dicadangkan oleh AHP sejak 31 Disember 2005:

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005:

	Setiap Unit		Jumlah	
	Kasar Sen	Bersih Lepas Cukai Sen	Kasar Sen	Bersih Lepas Cukai Sen
Pengagihan pendapatan akhir sebanyak 2.5 sen seunit dibayar pada 28 Februari 2006	2.50	2.50	2,500,000	2,500,000



LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PENGAGIHAN PENDAPATAN (SAMB.)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006:

	Setiap Unit		Jumlah	
	Kasar Sen	Bersih Lepas Cukai Sen	Kasar Sen	Bersih Lepas Cukai Sen
Pengagihan pendapatan Interim sebanyak 2.5 sen seunit dibayar pada 18 Oktober 2006	2.50	2.50	2,500,000	2,500,000

Bagi tahun kewangan 31 Disember 2006, pengagihan pendapatan akhir sebanyak 3 sen seunit (dikecualikan cukai pada peringkat Tabung Amanah), berjumlah RM3,000,000 yang akan dibayar pada 28 Februari 2007, telah diisytiharkan oleh Pengurus dan diluluskan oleh Pemegang Amanah pada 31 Januari 2007. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak mengambil kira pengagihan yang dicadangkan ini. Pengagihan tersebut akan diambil kira di dalam tempoh laporan berikutnya. Secara keseluruhannya, AHP menunjukkan pulangan pendapatan yang kompetitif serta memenuhi objektifnya iaitu untuk memberi pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit.

Kesan daripada pengagihan pendapatan akhir terhadap nilai aset bersih seunit pada 31 Disember 2006:

	Sebelum Pengagihan Pendapatan Sen	Selepas Pengagihan Pendapatan Sen
Nilai aset bersih setiap unit	134.7	131.7

PECAHAN PEGANGAN UNIT

	Jumlah Pemegang Unit	Peratusan Pemegang Unit (%)	Jumlah Unit Dipegang	Peratusan Unit Dipegang %
5,000 ke bawah	7,166	81.11	13,753,344	13.75
5,001 ke 10,000	815	9.22	6,915,100	6.92
10,001 ke 50,000	720	8.16	16,395,590	16.40
50,001 ke 500,000	131	1.48	16,776,491	16.79
500,001 dan ke atas	3	0.03	46,159,475	46.16
	<u>8,835</u>	<u>100.00</u>	<u>100,000,000</u>	<u>100.00</u>

PARA PENGARAH PENGURUS

Para pengarah PHNB yang memegang jawatan sejak laporan kami yang terakhir dan tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Tan Sri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
 Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
 Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil
 Dato' Abd. Wahab bin Maskan
 Dato' Mohammed Hussein
 Datuk Burhanuddin bin Ahmad Tajudin (dilantik pada 18 Januari 2007)
 Tan Sri Geh Ik Cheong (letak jawatan pada 3 Ogos 2006)
 Encik Mohamed Rahim bin Ismail (letak jawatan pada 6 Mac 2006)



LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

MANFAAT PARA PENGARAH

Sama ada sepanjang atau pada akhir tahun kewangan, PHNB atau AHP tidak menjadi pihak kepada sebarang perjanjian yang bertujuan membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur dalam PHNB atau lain-lain badan korporat atau pemilikan unit dalam AHP.

Sejak tarikh tahun kewangan terakhir, tiada Pengarah PHNB yang telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang terakru daripada yuran kepada PHNB atau daripada urusniaga dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan PHNB seperti yang dinyatakan di nota-nota penyata kewangan AHP) hasil dari kontrak yang dibuat oleh PHNB atau AHP atau badan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarahnya ialah ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu mempunyai kepentingan.

KEPENTINGAN PENGARAH

Berdasarkan kepada rekod pegangan saham para pengarah PHNB, kepentingan para pengarah PHNB yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan di dalam unit AHP semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

	Jumlah Unit			31 Disember 2006
	1 Januari 2006	Beli	Jual	
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil	12,000	-	-	12,000

Tiada lain-lain Pengarah yang mempunyai kepentingan di dalam AHP sepanjang tahun.

Sama ada sepanjang atau pada akhir tahun kewangan, tiada kontrak penting yang telah dipersetujui yang melibatkan mana-mana Pengarah dan pemegang-pemegang unit utama.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

(a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan AHP disediakan, Pengurus telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan pemansuhan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa sebarang hutang lapuk yang diketahui telah dimansuhkan dan peruntukan yang mencukupi terhadap peruntukkan hutang ragu telah dibuat; dan
- (ii) untuk menentukan bahawa harta semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan dalam perniagaan biasa mengikut nilai harga yang ditunjukkan dalam penyata kewangan AHP telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dianggap boleh direalisasikan.

(b) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang:

- (i) memerlukan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu dibuat dalam penyata kewangan AHP; dan
- (ii) menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan AHP mengelirukan.

LAPORAN PENGURUSAN MENGENAI AMANAH HARTA TANAH PNB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

- (c) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang berbangkit yang membuatkan penggunaan kaedah penilaian yang digunakan sekarang bagi menilai aset-aset atau tanggungan AHP mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Pengurus tidak mengetahui mengenai sebarang perkara yang belum dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan AHP yang boleh menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan tersebut mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) apa-apa cagaran ke atas harta-harta AHP yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
 - (ii) apa-apa tanggungan luarjangka bagi AHP yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para Pengarah Pengurus:
- (i) tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan AHP yang berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan ini akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan AHP menunaikan kewajipannya apabila tiba masa kewajipannya dituntut; dan
 - (ii) tidak terdapat sebarang butiran, urusan atau peristiwa yang bersifat penting dan ganjil dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang membawa kesan penting ke atas hasil operasi AHP bagi tahun kewangan yang dilaporkan ini.
- (g) Pengurus ataupun wakilnya tidak menerima komisyen tidak nyata dari syarikat broker saham atas dasar urusan yang dijalankan oleh AHP.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak
PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD
menurut resolusi para Pengarah Pengurus pada 31 Januari 2007.

TAN SRI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID

Kuala Lumpur, Malaysia

TAN SRI DATO' HAMAD KAMA
PIAH BIN CHE OTHMAN

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, TAN SRI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID and TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN, sebagai dua daripada para Pengarah PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan dari muka 36 hingga 60 telah disediakan dengan wajarnya menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian, Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti dan peruntukan Surat Ikatan Amanah bagi memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan AMANAH HARTA TANAH PNB pada 31 Disember 2006 dan hasil kendalian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak
PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD
 menurut resolusi para Pengarah Pengurus pada 31 Januari 2007.



TAN SRI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID

Kuala Lumpur, Malaysia



TAN SRI DATO' HAMAD KAMA
 PIAH BIN CHE OTHMAN

Saya, MIOR ABDUL RAHMAN BIN MIOU MOHD KHAN, sebagai pegawai kepada Pengurus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan AMANAH HARTA TANAH PNB, dengan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan dari muka 36 ke 60, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
 oleh MIOR ABDUL RAHMAN BIN MIOU MOHD KHAN
 yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam
 Wilayah Persekutuan pada 31 Januari 2007



MIOR ABDUL RAHMAN BIN
 MIOU MOHD KHAN

Dihadapan saya,



MAISHARAH BINTI ABU HASSAN
 Pesuruhjaya Sumpah,
 Kuala Lumpur, Malaysia



PENYATA PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAH HARTA TANAH PNB

AMANAH RAYA BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH HARTA TANAH PNB ("Tabung Amanah"), berpendapat bahawa PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, bertindak dibawah kapasiti selaku Pengurus Tabung Amanah, telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, seperti berikut:

Pada pendapat kami:

- (a) Tabung Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Surat Ikatan, Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan undang-undang lain yang diterima pakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006;
- (b) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH HARTA TANAH PNB adalah selaras dengan objektif Tabung Amanah.

Untuk dan bagi pihak AMANAH RAYA BERHAD

DATO' AHMAD RODZI BIN PAWANTEH
Pengarah Urusan

Kuala Lumpur, Malaysia
31 Januari 2007



LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH HARTA TANAH PNB

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 36 to 60. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Pengurus AMANAH HARTA TANAH PNB ("Tabung Amanah").

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat yang bebas, berdasarkan audit kami, mengenai penyata kewangan tersebut dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Suruhanjaya Sekuriti dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak memegang tanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan material. Audit termasuk memeriksa, melalui asas ujian, bukti yang akan menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata-penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Tabung Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian, peruntukan Surat Ikatan Amanah dan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah yang berkenaan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan keadaan kewangan Tabung Amanah pada 31 Disember 2006 dan hasil kendalian dan aliran tunai Tabung Amanah untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF : 0002
Akauntan Bertauliah

Abdul Rauf bin Rashid
No. 2305/05/08(J)
Rakankongsi



PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Nota	2006 RM	2005 RM
JUMLAH PENDAPATAN			
Pendapatan sewaan kasar	5	11,522,987	11,451,916
Tolak: Perbelanjaan operasi hartanah	6	(4,691,678)	(4,795,748)
Susutnilai		(5,203)	(1,645)
Pendapatan sewaan bersih		<u>6,826,106</u>	<u>6,654,523</u>
Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan		285,344	196,880
Keuntungan nyata daripada pelupusan:			
- Aset berkaitan hartanah		22,982	4,807
- Aset bukan berkaitan hartanah		133,404	19,329
Keuntungan/(Kerugian) tidak nyata ke atas penilaian:			
- Hartanah		1,607,640	-
- Aset berkaitan hartanah		(17,496)	(126,027)
- Aset bukan berkaitan hartanah		(12,571)	(389,645)
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:			
- Aset berkaitan hartanah		15,750	25,050
- Aset bukan berkaitan hartanah		54,013	81,793
		<u>8,915,172</u>	<u>6,466,710</u>
JUMLAH PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	7	(1,328,192)	(1,306,816)
Yuran Pemegang Amanah	8	(130,000)	(130,000)
Ganjaran Juruaudit		(12,000)	(12,000)
Ganjaran agen percukaian		(3,800)	(3,500)
Yuran penilaian		(85,507)	-
Percetakan, perbelanjaan pos dan pelbagai perbelanjaan		(143,815)	(136,225)
		<u>(1,703,314)</u>	<u>(1,588,541)</u>
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		7,211,858	4,878,169
CUKAI	9	-	4,019,255
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		<u>7,211,858</u>	<u>8,897,424</u>



PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006 (SAMB.)

	Nota	2006 RM	2005 RM
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI TERDIRI DARIPADA BERIKUT:			
Pendapatan nyata bersih		5,634,285	9,413,096
Pendapatan/(kerugian) tidak nyata bersih		1,577,573	(515,672)
		<u>7,211,858</u>	<u>8,897,424</u>
PENDAPATAN SEUNIT	10	<u>7.21 sen</u>	<u>8.90 sen</u>
PENDAPATAN SEUNIT (SEBELUM YURAN PENGURUS)			
- Kasar sebelum cukai		<u>8.54 sen</u>	<u>6.18 sen</u>
- Bersih selepas cukai		<u>8.54 sen</u>	<u>10.20 sen</u>
PENGAGIHAN PENDAPATAN BERSIH	11		
Pengagihan pendapatan interim sebanyak 2.50 sen seunit dibayar pada 18 Oktober 2006 (2005: 2.50 sen seunit dibayar pada 30 Ogos 2005)		<u>2,500,000</u>	<u>2,500,000</u>
Pengagihan pendapatan akhir dicadangkan sebanyak 3 sen seunit akan dibayar pada 28 Februari 2007 (2005: 2.50 sen seunit dibayar pada 28 Februari 2006)		<u>3,000,000</u>	<u>2,500,000</u>
PENGAGIHAN PENDAPATAN AKHIR SEUNIT	11		
- Kadar sebelum cukai		<u>3.00 sen *</u>	<u>2.50 sen</u>
- Bersih selepas cukai		<u>3.00 sen *</u>	<u>2.50 sen</u>
PENGAGIHAN PENDAPATAN INTERIM SEUNIT	11		
- Kadar sebelum cukai		<u>2.50 sen</u>	<u>2.50 sen</u>
- Bersih selepas cukai		<u>2.50 sen</u>	<u>2.50 sen</u>

* Pengagihan pendapatan akhir yang dicadangkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

	Nota	2006 RM	2005 RM
PELABURAN			
Hartanah	12	128,270,000	126,519,678
Aset berkaitan hartanah	13	342,732	520,498
Aset bukan berkaitan hartanah	14	678,885	1,357,686
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	15	8,687,000	7,215,316
		<u>137,978,617</u>	<u>135,613,178</u>
LAIN-LAIN ASET			
Peralatan, perabot dan kelengkapan	16	13,494	1,800
Cukai boleh dituntut		267,970	100,373
Penghutang perdagangan	17	816,266	682,439
Penghutang-penghutang lain	18	328,223	130,585
Tunai dan baki di bank	19	27,332	18,223
		<u>1,453,285</u>	<u>933,420</u>
JUMLAH ASET			
		<u>139,431,902</u>	<u>136,546,598</u>
LIABILITI			
Deposit-deposit sewaan	20	3,802,453	3,101,300
Pemiutang-pemiutang lain	21	743,569	847,472
Terhutang kepada Pengurus	22	220,775	144,579
		<u>4,766,797</u>	<u>4,093,351</u>
NILAI ASET BERSIH			
		<u>134,665,105</u>	<u>132,453,247</u>
DIBIYAI OLEH:			
DANA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT			
Modal pemegang-pemegang unit	24	100,000,000	100,000,000
Rizab penilaian	25	-	23,205,788
Pendapatan terkumpul		34,665,105	9,247,459
		<u>134,665,105</u>	<u>132,453,247</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT			
	26	<u>134.7 sen</u>	<u>132.5 sen</u>
UNIT DALAM EDARAN			
		<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>
PENDAPATAN TERKUMPUL TERDIRI DARIPADA BERIKUT:			
Pendapatan terkumpul nyata bersih		16,153,315	20,300,333
Pendapatan/(kerugian) terkumpul tidak nyata bersih		18,511,790	(11,052,874)
		<u>34,665,105</u>	<u>9,247,459</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Nota	Modal Pemegang-pemegang Unit RM	Tidak Boleh Diagihkan Rizab Penilaian RM	Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Dana Pemegang-pemegang unit RM
Pada 1 Januari 2005		100,000,000	22,419,968	4,651,638	127,071,606
Pindahan daripada liabiliti cukai tertunda	23	-	785,820	-	785,820
Pendapatan bersih tahun semasa		-	-	8,897,424	8,897,424
Pengagihan pendapatan untuk tahun:					
Pengagihan akhir					
- 31 Disember 2004		-	-	(1,801,603)	(1,801,603)
Pengagihan Interim					
- 31 Disember 2005		-	-	(2,500,000)	(2,500,000)
Pada 31 Disember 2005		<u>100,000,000</u>	<u>23,205,788</u>	<u>9,247,459</u>	<u>132,453,247</u>
Pada 1 Januari 2006		100,000,000	23,205,788	9,247,459	132,453,247
Kesan pengadaptasi FRS 140	4(a)	-	(23,205,788)	23,205,788	-
Pendapatan bersih tempoh semasa		-	-	7,211,858	7,211,858
Pengagihan pendapatan untuk tahun:					
Pengagihan akhir					
- 31 Disember 2005		-	-	(2,500,000)	(2,500,000)
Pengagihan Interim					
- 31 Disember 2006		-	-	(2,500,000)	(2,500,000)
Pada 31 Disember 2006		<u>100,000,000</u>	<u>-</u>	<u>34,665,105</u>	<u>134,665,105</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Pendapatan sebelum cukai	7,211,858	4,878,169
Pelarasan untuk perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana:		
Susutnilai	5,203	1,645
Peruntukan hutang ragu	122,019	-
(Keuntungan)/kerugian tidak nyata ke atas penilaian:		
- Hartanah	(1,607,640)	-
- Asset berkaitan hartanah	17,496	126,027
- Asset bukan berkaitan hartanah	12,571	389,645
Keuntungan nyata daripada pelupusan:		
- Asset berkaitan hartanah	(22,982)	(4,807)
- Asset bukan berkaitan hartanah	(133,404)	(19,329)
Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	(285,344)	(196,880)
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:		
- Asset berkaitan hartanah	(15,750)	(25,050)
- Asset bukan berkaitan hartanah	(54,013)	(81,793)
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	5,250,014	5,067,627
(Pertambahan)/pengurangan penghutang	(468,780)	51,964
Pengurangan pemiutang-pemiutang lain	(103,902)	(84,761)
Pertambahan/(pengurangan) deposit sewaan	704,153	(117,068)
Pertambahan terhutang kepada Pengurus	76,196	42,234
Tunai dihasilkan daripada operasi	5,457,681	4,959,996
Cukai dibayar	(167,597)	(610,813)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	<u>5,290,084</u>	<u>4,349,183</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pelaburan dalam hartanah	(142,682)	(2,400)
Pembelian peralatan komputer, alat-alatan, perabot dan kelengkapan	(16,897)	-
Perolehan daripada pelupusan:		
- Asset berkaitan hartanah	183,252	51,307
- Asset bukan berkaitan hartanah	2,095,729	540,224
Pembelian aset bukan berkaitan hartanah	(1,296,093)	(990,971)
Faedah diterima	288,279	202,825
Dividen diterima daripada pelaburan dalam:		
- Asset berkaitan hartanah	31,460	14,550
- Asset bukan berkaitan hartanah	47,661	76,583
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan	<u>1,190,709</u>	<u>(107,882)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pembayaran pengagihan pendapatan	(5,000,000)	(4,301,603)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>(5,000,000)</u>	<u>(4,301,603)</u>
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	1,480,793	(60,302)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>7,233,539</u>	<u>7,293,841</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai dan baki di bank	27,332	18,223
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 15)	8,687,000	7,215,316
	<u>8,714,332</u>	<u>7,233,539</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

1. TABUNG AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Amanah Harta Tanah PNB ("AHP" atau "Tabung Amanah"), sebuah Amanah Pelaburan Hartanah, telah diperlembagakan di bawah Surat Ikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 di antara Pengurusnya iaitu Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), Pemegang Amanah iaitu Amanah Raya Berhad dan beberapa orang yang memegang unit-unit di dalam Tabung Amanah.

AHP telah dilancarkan pada 21 Mac 1989 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 28 Disember 1990. Aktiviti utama Tabung Amanah adalah pelaburan dalam hartanah dan pelaburan lain yang dibenarkan dengan objektif mencapai pulangan yang berterusan dan penambahan nilai modal bagi jangkamasa panjang. Tiada sebarang perubahan besar dalam aktiviti utama di sepanjang tempoh.

Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan tabung amanah pelaburan hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun ini.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah memegang pelaburan untuk meningkatkan pegangan modal saham masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pengurus untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 31 Januari 2007.

2. TEMPOH TABUNG AMANAH

Tabung Amanah akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Fasal 23 Surat Ikatan Amanah Tambahan Ketiga AHP.

3. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko pasaran, kadar faedah dan kredit timbul dalam perjalanan biasa urusan Tabung Amanah. Tabung Amanah mempunyai polisi dan garis panduan pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi mengoptima pulangan dan mengekalkan modal pemegang-pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Tabung Amanah.

Risiko Pasaran

Tabung Amanah mengurus risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan diversifikasi. Tabung Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Tabung Amanah dari ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan oleh Tabung Amanah.

Risiko Kadar Faedah

Tabung Amanah mengurus risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan polisi dan garis panduan dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Tabung Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

3. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Kredit

Tabung Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan mempunyai polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari masa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

Risiko kredit terbit dari urusan dengan penyewa hartanah Tabung Amanah dan perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah kecuali pelaburan dalam hartanah dan sekuriti disebut harga dinyatakan pada nilai saksama.

Penyata kewangan ini disediakan menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah yang berkenaan.

Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2006, Tabung Amanah telah menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan yang baru/semak semula yang seperti berikut:

FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan
FRS 108	Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran dan Kesilapan
FRS 110	Peristiwa selepas Tarikh Lembaran Imbangan
FRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
FRS 136	Penyusutan Aset
FRS 140	Pelaburan dalam Hartanah

Adaptasi FRS 101, 108, 110, 116, 132 dan 136, tidak memberi kesan kewangan yang ketara ke atas Tabung Amanah. Kesan utama dalam perubahan polisi perakaunan daripada adaptasi FRS 140 adalah dibincangkan di bawah:

FRS 140: Hartanah Pelaburan

Adaptasi FRS 140 telah menyebabkan perubahan dalam polisi perakaunan untuk hartanah. Hartanah dinyatakan pada nilai saksama, berdasarkan oleh nilai pasaran yang ditentukan oleh jurunilai luaran. Keuntungan dan kerugian yang terbit dari perubahan dalam nilai saksama hartanah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ianya terbit. Sebelum 1 Januari 2006, sebarang peningkatan dalam penilaian semula dibawa ke ekuiti sebagai lebihan penilaian. Penilaian semula hartanah yang terakhir adalah pada 2003, kecuali rumah kedai di Jalan Rubber, Kuching, dinilai semula pada 2004.

Berdasarkan kepada peruntukkan FRS 140, perubahan polisi perakaunan ini diambil secara prospektif dan angka perbandingan pada 31 Disember 2005 tidak dinyatakan semula. Akan tetapi, perubahan telah diambil kira dengan menyatakan semula baki mula di lembaran imbangan seperti berikut:



NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

Pada
1 Januari 2006
RM

Pengurangan dalam rizab penilaian tidak boleh diagihkan	(23,205,788)
Pertambahan dalam pendapatan terkumpul	<u>23,205,788</u>

(b) Peralatan, Perabot dan Kelengkapan dan Susutnilai

Peralatan, perabot dan kelengkapan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian rosot nilai adalah selaras dengan Nota 4(f).

Susutnilai diperuntukkan ke atas kos peralatan komputer, peralatan, perabot dan kelengkapan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan berikut:

Peralatan	20%
Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan Komputer	25%

Perbezaan di antara penerimaan bersih pelupusan dan nilai dibawahnya dikenakan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan apabila peralatan, perabot dan kelengkapan dilupuskan.

(c) Hartanah

Hartanah merangkumi tanah dan bangunan dinyatakan pada nilai saksama pada setiap tarikh lembaran imbalan, mewakili nilai pasaran yang ditentukan oleh jurunilai luaran. Keuntungan dan kerugian yang terbit dari perubahan dalam nilai saksama hartanah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ianya terbit. Dalam pelupusan hartanah, perbezaan di antara penerimaan pelupusan bersih dan nilai didibawa akan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

Sebelum 1 Januari 2006, hartanah dinyatakan dalam penilaian. Nilai semula adalah berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh jurunilai bebas sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun untuk menentukan nilai pasaran saksama. Sebarang tambahan dalam amaun dibawa daripada penilaian pelaburan hartanah yang sama akan dikreditkan ke ekuiti sebagai lebihan penilaian; sebarang pengurangan dalam amaun dibawa menghapuskira penambahan sebelumnya bagi pelaburan hartanah yang sama yang telah dikreditkan ke lebihan penilaian, dan seterusnya dibalikkan atau digunakan, ianya kemudian dikenakan atas lebihan penilaian. Bagi semua kes, pengurangan dalam amaun dibawa akan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Sebarang tambahan penilaian berkaitan secara langsung dengan pengurangan sebelum dalam amaun dibawa untuk pelaburan hartanah yang sama, yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan, akan dikreditkan ke pendapatan sehingga ianya menghapuskira pengurangan yang telah dicatat semula. Dalam pelupusan pelaburan hartanah, perbezaan di antara penerimaan pelupusan bersih dan nilai dibawa akan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan dan bahagian yang berkaitan dengan lebihan penilaian akan dibebaskan terus kepada keuntungan terkumpul.

(d) Aset Berkaitan Hartanah/Aset Bukan Berkaitan Hartanah

Aset berkaitan hartanah terdiri daripada sekuriti disebut harga diterbitkan oleh syarikat-syarikat hartanah.

Aset bukan berkaitan hartanah terdiri daripada sekuriti disebut harga diterbitkan oleh syarikat-syarikat bukan hartanah.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(d) Aset Berkaitan Hartanah/Aset Bukan Berkaitan Hartanah

Sekuriti disebut harga dinyatakan pada nilai pasaran. Nilai pasaran ditentukan berdasarkan kepada harga terakhir disebut di bursa saham pada tarikh lembaranimbangan. Penambahan dan pengurangan dalam nilai dibawa bagi sekuriti disebut harga dikreditkan atau dikenakan kepada penyata pendapatan sebagai keuntungan atau kerugian tidak nyata.

(e) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Pendapatan Sewaan

Pendapatan sewaan dari pelaburan hartanah diambil kira mengikut dasar terakru.

(ii) Pendapatan Dividen Kasar

Pendapatan dividen kasar daripada saham disebut harga diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dikenal pasti.

(iii) Lain-lain Pendapatan

Pendapatan faedah, pendapatan tempat letak kereta dan lain-lain pendapatan berkaitan hartanah/bukan berkaitan hartanah diambil kira mengikut dasar terakru.

(f) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh Lembaranimbangan, Pengurus menyemak nilai aset dibawa oleh Tabung Amanah, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada ada petanda yang aset tersebut mungkin mengalami pengurangan dalam nilainya. Sekiranya terdapat petanda tersebut, pengurangan dalam nilai diukur secara membanding nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh diterima. Amaun boleh terima adalah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih atau nilai digunakan, di mana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan di diskaunkan. Amaun boleh diterima dianggap bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian rosotnilai dicaj ke penyata pendapatan serta merta.

Balikan kepada kerugian rosotnilai diiktirafkan pada tahun sebelumnya akan direkodkan apabila terdapat petanda yang menunjukkan kerugian rosotnilai aset sudah tiada atau nilai mulai menurun. Balikan kepada kerugian rosotnilai yang terdahulu diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa bagi aset tersebut (tolak pelunasan dan susutnilai) jika sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Balikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

(g) Pengagihan Dicadangkan

Pengagihan dicadangkan diambil kira apabila tanggungjawab untuk membayar telah dikenal pasti.

Pengagihan dicadangkan akan dinyatakan dengan cara nota kepada penyata kewangan dan pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengagihan dari pendapatan belum diagihkan di dalam tahun di mana tanggung jawab untuk membayar telah dikenal pasti.



NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi yang mempunyai risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara.

(i) Penghutang Perdagangan dan Lain-lain Penghutang

Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang ragu.

(j) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(k) Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan di dalam penyata aset dan liabiliti adalah merangkumi tunai di bank, saham disebut harga, deposit dengan institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset dilaporkan sebagai pendapatan.

(l) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi keuntungan yang tidak diagihkan yang dicukai bagi tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh lembangan imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara pada tarikh lembangan imbalan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa di dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dipotong, dan kredit cukai yang tidak digunakan setakat mana terdapatnya keuntungan yang dikenakan cukai berbanding dengan perbezaan sementara yang boleh dipotong, dan kredit cukai yang tidak digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara terhasil daripada muhibah atau muhibah negatif ataupun daripada pengiktirafan permulaan bagi sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi di mana ia bukanlah penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, menjejaskan keuntungan perakaunan ataupun keuntungan yang dikenakan cukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan diaplikasikan di dalam tempoh apabila aset tersebut dinyatakan ataupun apabila liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang termaktub pada tarikh lembaran imbalan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia terhasil daripada transaksi di mana ia diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, yang mana cukai tertunda juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung di dalam ekuiti.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

5. PENDAPATAN SEWAAN KASAR

Pendapatan sewaan kasar Tabung Amanah merangkumi:-

	2006 RM	2005 RM
Pendapatan sewaan	11,336,097	11,338,426
Lain-lain pendapatan	186,890	113,490
	<u>11,522,987</u>	<u>11,451,916</u>

Termasuk dalam pendapatan sewaan adalah amaun sebanyak RM686,094 (2005: RM736,234) diterima daripada syarikat berkaitan seperti dinyatakan dalam Nota 28.

6. PERBELANJAAN OPERASI HARTANAH

Termasuk di dalam perbelanjaan operasi adalah seperti berikut:

	2006 RM	2005 RM
Perbelanjaan penjagaan, pembaikan dan membaik pulih	1,003,546	898,920
Cukai pintu	897,496	896,634
Cukai tanah	57,770	49,181
Yuran Pengurus Hartanah*	222,150	241,748
Peruntukkan hutang ragu	<u>122,019</u>	<u>-</u>

* Berkenaan pengurusan hartanah yang dimiliki oleh AHP, Pengurus Hartanah, kini Jones Lang Wootton ("JLW") (sebelumnya PNB Facilities Services Sdn. Berhad ("PFSSB") dan PNB Property Management Sdn. Bhd. ("PMSB"), anak-anak syarikat milik penuh PNB), berhak menerima yuran pengurus hartanah seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah. Yuran ini adalah berdasarkan skala berperingkat seperti yang peruntukan oleh Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartatanah 1981 yang disemak semula dan peraturannya.

7. YURAN PENGURUS

Pada setiap hari sepanjang tempoh terakru, Pengurus, PHNB, berhak menerima yuran yang tidak melebihi 2% dari nilai aset bersih harian Tabung Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Amanah AHP. Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 December 2006 ialah 1% (2005: 1%) daripada nilai aset bersih harian AHP.

Tiada lain-lain yuran, komisyen atau caj perkhidmatan permulaan yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada Pengurus.

8. YURAN PEMEGANG AMANAH

